



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 02/2023**

## **SIFAT MULIA IBADUL RAHMAN**

**20 Jamadil Akhir 1443 H**

*Bersamaan*

**13 Januari 2023**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ كَمَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرْضَى .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ . وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Marilah kita sentiasa bertaqwa kepada Allah swt di manapun kita berada, baik ketika bersama orang ramai mahupun ketika bersendirian. Marilah kita sentiasa takutkan pembalasan Allah, dengan menjalankan semua perintahnya dan menjauhi semua larangannya.

Khutbah pada hari penuh berkat ini bertajuk :

**“SIFAT MULIA IBADUL RAHMAN”.**

### **Sidang Jumaat yang dirahmati.**

Marilah kita mengambil pedoman al-Quran tentang ciri-ciri hamba Allah yang terpuji di dalam kitab suci ini, yang diberi gelaran ‘ibadurrahmaan (hamba Allah Yang Maha Penyayang). Mereka adalah tauladan terbaik dalam ketaatan kepada Allah secara sempurna dan ketinggian akhlak sesama hamba untuk dijadikan pedoman bagi sekalian manusia.

Antara ciri-ciri 'ibaadurrahmaan ialah :

**Pertama: Merendah diri dan penyantun.**

Apabila mereka berjalan di muka bumi, terlihat dari sikapnya itu sifat kesederhanaan, jauh dari sifat sombong, langkahnya teratur sopan tanpa mengada-ngada untuk menarik perhatian orang. Apabila ada orang yang mengucapkan kata-kata yang tidak senonoh, mereka tidak membalas kata-kata itu kecuali dengan ucapan yang baik, yang mengandung nasihat dan doa kesejahteraan semoga dia mendapat hidayah Allah swt. Mereka ini berjiwa besar dengan bersifat penyantun dan mudah memaafkan orang lain. Firman Allah SWT dalam surah Al-Furqan ayat 63 :

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا

سَلَامًا ﴿٦٣﴾

**Bermaksud:** Dan hamba-hamba Allah ar-Rahmaan ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan-santun, dan apabila bercakap kepada orang yang jahil, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini.

**Kedua: Bertaqarrub kepada Allah secara ikhlas dengan Qiamullail.**

Apabila malam telah sunyi sepi, ketika manusia lain dibuai tidur yang lena, mereka bangkit bersolat tahajjud dan mendekatkan diri dengan penciptanya tanpa riya dan sum'ah serta jauh dari pandangan manusia. Mereka tinggalkan seketika kerehatan badan dan kenyamanan tempat tidur, untuk mereka menikmati dengan sepenuh jiwa dan hati yang tenteram keseronokan munajat bersama Tuhan. Allah swt berfirman dalam Surah Al-Furqan ayat 64:

وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَامًا ﴿٦٤﴾

**Bermaksud:** Dan mereka (yang direndhai Allah itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri.

**Kaum Muslimin yang dikasihi,**

**Ketiga: Takutkan pembalasan azab Allah SWT.**

Mereka selalu mengingati nasib di hari akhirat, iaitu hari perhuntingan di mana semua manusia akan dipersoalkan amal perbuatan mereka. Di saat munajat itu tergambarlah dalam fikiran mereka, betapa dahsyatnya api neraka yang menanti manusia yang derhaka. Di kala itu menitislah air mata mereka ketakutan lalu memohon kepada Allah agar disisihkan dari siksaan bakaran api neraka. Firman Allah dalam Surah Al-Furqan ayat 65-66:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ﴿٦٥﴾ إِنَّهَا

سَاءَتْ مَسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ﴿٦٦﴾

**Bermaksud:** Dan juga mereka yang berkata: Wahai Tuhan kami, palingkanlah azab Neraka Jahannam dari kami, kerana azabnya itu adalah seksa yang berkekalan. Sesungguhnya Neraka Jahannam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk.

**Keempat: Berbelanja dan berinfaq secara sederhana.**

Mereka tetap menjalani kehidupan dunia sebagaimana adatnya. Namun apabila berbelanja harta benda samada secara wajib, sunat atau harus, mereka tidak terlalu

boros dan tidak pula terlalu kedekut. Mereka bijak memelihara keseimbangan dan kesederhanaan antara kedua sifat yang buruk itu. Sifat boros akan membawa kepada kemusnahan harta dan kerosakan sosial. Sifat kedekut pula akan memudaratkan diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling. Di dalam ayat 67 Surah Al-Furqan, Allah berfirman:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

**Bermaksud:** Dan mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan perbelanjaan mereka adalah betul sederhana.

**Kelima: Mereka menjauhi dosa-dosa terbesar.**

Allah berbangga dengan bersih sucinya mereka dari kesalahan dosa besar khususnya dosa syirik, membunuh dan zina. Tiga perbuatan ini adalah dosa yang terbesar yang membinasakan agama, nyawa dan keturunan, serta merosakkan hubungan dengan Pencipta dan membawa malapetaka kepada kehidupan manusia. Dengan penuh rasa kesal dan insaf, mereka segera bertaubat apabila terjatuh melakukan kesalahan dosa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 68 :

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا

يَزْنُونَ ۚ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ﴿٦٨﴾

**Bermaksud:** Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak, dan tidak pula mereka berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya.

**Sidang Jumaat yang diberkati,**

**Keenam: Menjauhi kesaksian palsu dan tidak mempedulikan perkara yang sia-sia.**

Allah SWT menyebutkan mereka adalah orang yang tidak sanggup menjadi saksi palsu sehinggakan menghilangkan hak mereka yang layak atau untuk membantu perbuatan zalim atau batil. Mereka juga akan menjauhi majlis-majlis mungkar yang melalaikan. Mereka melewati majlis-majlis sedemikian tanpa memperdulikannya kerana memelihara kemuliaan diri dari kebatilan dan kesesatan. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Furqan ayat 72 :

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا ﴿٧٢﴾

**Bermaksud:** Dan orang-orang yang tidak memberikan persaksian palsu, dan apabila mereka bertemu dengan (orang-orang) yang mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tidak berfaedah, mereka melintasinya dengan menjaga kehormatan diri (tanpa mempedulikannya).

### **Ketujuh : Patuh dan tunduk kepada peringatan tuhan.**

Ketika terlalai atau terlupa, mereka mudah menerima baik peringatan yang datang tanpa sikap degil. Hati mereka terbuka untuk menerima nasihat dan mengambil pelajaran. Fikiran mereka lapang untuk merenungi ayat-ayat tuhan untuk difahami dan dihayati. Maka bertambahlah iman dan keyakinan mereka bahawa perintah Allah itu adalah tertinggi untuk ditaati. Allah berfirman dalam surah Al-Furqan ayat 73 :

وَالَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ لَمْ يَخِرُّوا عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا ﴿٧٣﴾

**Bermaksud:** Dan mereka yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang yang pekak dan buta.

### **Kelapan: Sentiasa berdoa untuk kebaikan diri, keluarga, keturunan dan umat.**

Tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga, mereka selalu berdoa kepada Tuhan agar dianugerahkan pasangan dan keturunan yang baik yang benar-benar menyenangkan hati dan menyejukkan jiwa, dan ahli keluarga mereka menjadi orang yang soleh dan bertaqwa. Dengan demikian, bertambah ramailah di muka bumi ini manusia bercirikan Ibadulrahman (hamba-hamba Allah yang maha penyayang). Di samping itu, mereka juga mengharapkan agar mereka menjadi pemimpin yang dapat mengajak manusia untuk bertaqwa di muka bumi ini, bukan pemimpin sekadar untuk mencari kedudukan dan pangkat. Ini terakam dalam firman Allah surah Al-Furqan ayat 74 :

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُنْقِيَةِ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

**Bermaksud:** Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa.

### Muslimin Hafizakumullah.

Demikianlah ciri-ciri ibaadurrahmaan (hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang). Alangkah agung dan mulianya sifat-sifat mereka ini. Sesiapa yang berjaya memilikinya akan diredhai Allah dan ditempatkannya di akhirat nanti pada kedudukan termulia di sisinya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٧٥﴾ أُولَٰئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَامًا

**Bermaksud:** Mereka itu akan dibalas dengan tempat yang tinggi di Syurga disebabkan kesabaran mereka, dan mereka pula akan menerima di dalam syurga itu ucapan selamat di dalamnya.

(Surah Al-Furqan: 75).

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dikasahi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَوَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.